

# Tiada cadangan Sastera Melayu subjek wajib

UM - 20/6/07

**KUALA LUMPUR** 19 Jun - Kementerian Pelajaran tidak bercadang menjadikan Sastera dalam bahasa Melayu sebagai mata pelajaran wajib di sekolah.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (**gambar**) berkata, cadangan tersebut mustahil untuk dilaksanakan memandangkan sesi persekolahan sudah padat dengan pelbagai aktiviti.

Menurutnya, walaupun identiti budaya dan bangsa menjadi teras Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), ia tidak bermakna mata pelajaran tersebut perlu diserapkan ke dalam sukatan pelajaran sekolah.

"Kita kena kaji dari segi masa, kalau nak masukkan semua mata pelajaran memang mustahil."

"Kalau dilambakkan juga semuanya, tidak pasti para pelajar mampu memahami apa yang dipelajarinya," katanya.

Beliau ditemui pemberita semasa mewakili kerajaan Malaysia pada majlis sambutan ulang tahun hari

jadi Ratu Elizabeth II di kediaman Pesuruhjaya Tinggi British di sini hari ini.

Beliau mengulas cadangan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) baru-baru ini agar mata pelajaran Sastera dalam bahasa Melayu dijadikan mata pelajaran wajib di sekolah.

Cadangan itu bagi pelajar dari tingkatan satu sehingga tingkatan enam.

Hishammuddin memberitahu, banyak cara boleh dilaksanakan sekiranya mahu generasi muda mempunyai rasa cinta yang mendalam terhadap budaya bangsa sekali gus membina negara bangsa.

"Mungkin pendekatan lain secara proaktif boleh dilakukan di sekolah di mana ia dapat dilaksanakan dengan cepat dalam tempoh terdekat," katanya.

Mengulas teguran supaya anggota Parlimen dan Senator daripada Barisan Nasional (BN) menjaga tutur kata dan perlakuan ketika berbahas di Dewan Rakyat dan Dewan Negara,


Hishammuddin menyifatkannya sebagai amat wajar dipatuhi.

Ini kerana katanya, ia boleh menjadi isu sensitif kerana orang ramai tidak memahami cara perbahasan yang dibentangkan di Parlimen.

"Kadang-kadang orang ramai tak faham menyebabkan timbulnya isu, ini tidak adil kepada wakil rakyat," jelasnya yang juga Ketua Pergerakan Pemuda UMNO.

Semalam, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menasihatkan anggota Parlimen dan Senator daripada BN agar berhati-hati ketika berbahas semasa persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Teguran Najib yang juga Ketua Whip BN dipercayai dibuat ekoran isu penggunaan perkataan 'bocor' oleh Datuk Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan) dan Datuk Mohd Said Yusof (BN-Jasin) pada sesi Parlimen lepas yang ditujukan kepada seorang anggota Parlimen wanita daripada DAP.



Perkataan itu digunakan ketika membahaskan mengenai kebocoran bumbung bangunan Parlimen, mengaitkan kebocoran itu kepada Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah).

Penggunaan perkataan itu dibantah beberapa persatuan wanita menyebabkan Bung Mokhtar dan Mohd. Said memohon maaf secara terbuka.